

Jana ekonomi penduduk setempat – ADUN

UTUSAN MALAYSIA 6 MAC 2015 M/S 37 (TIMUR)

Pekan Gambang pesat membangun

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

shofi.isa@utusan.com.my

■ KUANTAN 5 MAC

PEKAN Gambang dekat sini akan terus menerima pembangunan pesat dalam usaha menarik orang ramai berkunjung ke kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Datuk Mohd. Shohaimi Jusoh berkata, Gambang kini menjadi hab pendidikan dengan wujudnya Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kolej Matrikulasi Pahang, Kolej Komuniti Gambang dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dalam pembinaan.

Selain itu, kata beliau, kawasan berkenaan turut memiliki sekolah sukan dan akademi bola sepak yang bakal menarik lebih ramai pelajar ke situ.

"Kita juga ada kilang seperti kawasan hab halal, Taman Teknologi Pahang, pelaburan dalam bidang biotek yang semua ini pasti akan membangunkan Pekan Gambang



Kita juga ada kilang seperti kawasan hab halal, Taman Teknologi Pahang, pelaburan dalam bidang biotek yang semua ini pasti akan membangunkan Pekan Gambang sekali gus menjana ekonomi penduduk setempat."

MOHD. SHOHAIMI JUSOH
ADUN Lepar

sekali gus menjana ekonomi penduduk setempat," katanya selepas Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina MCA Gambang di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Gambang, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan In-

tegrasi Nasional Negeri, Fairojbanu Zainal Abidin.

Pada majlis itu, seramai 140 warga emas menerima angpau Tahun Baharu Cina bernilai RM100 setiap seorang.

Mohd. Shohaimi berkata, pembangunan di kawasan itu juga menyaksikan sebuah hospital pakar akan dibina berhampiran Plaza Tol Gambang.

"Pembinaan hospital ini sudah diluluskan oleh kerajaan negeri. Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah sebelum ini menitahkan bahawa di kawasan ini akan wujud sebuah hospital pakar," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kewujudan Bukit Gambang Resort City (BGRC) yang merupakan salah satu pusat pelancongan menarik negara menarik ramai pelancong untuk mengunjungi kawasan ini.

Menurutnya, dengan segala pembangunan di kawasan itu, Gambang bukan sahaja akan menjadi hab pendidikan tetapi bakal dikenali sebagai bandar satelit di negeri ini.